

PM mahu Karpal nyatakan perkara sebenar

● DARI MUKA 1

Encik Karpal juga mencabar Datuk Seri Dr Mahathir supaya menangkapnya jika benar beliau yang merancang rompakan itu.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan mengulangi dakwaan itu di luar Dewan tetapi mahu Encik Karpal menyatakan perkara yang sebenar.

"Adakah pihak polis yang menceritakan kepadanya, Peguam Negara memanggil Encik Karpal untuk memberitahu mengenai pita itu ataupun Encik Vijandran sendiri atau orang yang mencuri pita itu, kerana hanya yang mencuri pita itu saja tahu kandungannya? tanya beliau.

"Saya juga nak tahu apakah hubungannya dengan orang yang memberitahunya mengenai kandungan pita itu," tegas Perdana Menteri.

Beliau berkata, Encik Karpal, daripada dakwaan-dakwaannya, seolah-olah sudah melihat sendiri pita itu atau diberitahu mengenai kandungannya oleh orang yang sudah menyaksikannya.

"Dia mendakwa dia tahu siapa yang ada dalam pita itu, siapa pelakornya dan siapa pelakon pembantu. Macam mana dia boleh tahu semua kandungan secara terperinci, ini saya sanggup kata di luar Dewan," tegasnya.

"Adakah Encik Karpal bersedia untuk memberitahu mahkamah siapakah yang memberitahunya atau adakah dia akan memberitahu mahkamah beliau menerima maklumat melalui pos?" tanya Perdana Menteri lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tidak mungkin seseorang itu boleh menceritakan segala-galanya mengenai pita itu melalui pos.

Apabila pemberita mencelah bahawa Encik Karpal juga dilaporkan banyak menerima maklumat melalui telefon, beliau berkata membuat tuduhan berdasarkan maklumat yang diterima melalui telefon menunjukkan seseorang itu tidak bertanggungjawab.— Bernama

Bagaimana Karpal tahu isi video: PM

12 MAR 1990

IPOH, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencabar Encik Karpal Singh supaya menyatakan sebenarnya bagaimana beliau mengetahui dengan terperinci isi kandungan pita video yang kecurian dari rumah Encik D P Vijandran.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan mengulangi tuduhan yang dibuatnya Khamis lalu terhadap Encik Karpal di luar Dewan Rakyat, tetapi mahu bertanya bagaimana Ahli Parlimen Jelutong itu tahu begitu banyak kandungan pita berkenaan.

Katanya, Ahli Parlimen itu menyatakan di dalam dan luar Dewan Rakyat bahawa beliau tahu kandungan pita itu tetapi apabila diminta buktinya, Encik Karpal berkata, pita itu tidak ada padanya.

Beliau berkata, hanya empat pihak yang tahu kandungan pita berkenaan, iaitu Encik Vijandran sendiri sebab pita itu kepunyaannya, polis yang dikatakan menerima pita itu, Peguam Negara yang diberi pita itu oleh polis dan orang yang mencuri pita itu.

"Jadi saya mahu tanya Encik Karpal, macam mana dia tahu begitu banyak kandungan pita video itu," katanya di sidang akhbar di akhir lawatan rasmi tiga hari ke Perak di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini.

Encik Karpal mencabar Perdana Menteri supaya mengulangi tuduhannya di Dewan Rakyat itu bahawa Ahli Parlimen berkenaan merancang rompakan di rumah bekas Timbalan Speaker Dewan Rakyat itu.

□ LIHAT MUKA 2 RUANG 3